

**SOALAN-SOALAN LAZIM**  
**PELAKSANAAN UMUR KELAYAKAN PENGUNDI 18 TAHUN DAN**  
**PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK (PPSA)**

---

**PENGENALAN**

- 1. Apakah yang dimaksudkan dengan pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun?**

Ini bermaksud semua warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas adalah layak untuk didaftarkan sebagai pemilih oleh SPR apabila dikuatkuasakan.

- 2. Apakah yang dimaksudkan dengan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)?**

Warganegara Malaysia yang layak serta mempunyai maklumat lengkap berdasarkan rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan didaftarkan sebagai pemilih tanpa perlu lagi memohon kepada SPR.

- 3. Adakah PPSA ini melibatkan pendaftaran pertukaran bahagian pilihan raya?**

Tidak. Mereka yang telah berdaftar sebagai pemilih tetapi ingin membuat pertukaran bahagian pilihan raya sama ada bahagian pilihan raya Parlimen atau DUN, perlu membuat permohonan kepada SPR.

**4. Adakah PPSA ini melibatkan pertukaran status Pengundi Tidak Hadir (PTH)?**

Tidak. Mereka yang telah berdaftar sebagai pemilih tetapi ingin membuat pertukaran status pemilih Pengundi Tidak Hadir (PTH) kepada pengundi biasa atau sebaliknya, perlu membuat permohonan kepada SPR.

**PELAKSANAAN PENGUNDI 18 TAHUN DAN PPSA**

**5. Adakah pengundi 18 tahun akan dilaksanakan secara bersekali dengan PPSA?**

Ya.

**6. Bilakah pengundi 18 tahun dan PPSA akan dikuatkuasakan?**

Pelaksanaan kedua-duanya telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2021.

**7. Bilakah pengundi 18 tahun ini layak untuk mengundi setelah didaftarkan secara automatik?**

Selepas SPR memperaku danewartakan daftar pemilih tambahan.

**8. Apabila warganegara Malaysia mencapai umur 18 tahun, bilakah semakan maklumat pengundian boleh dilaksanakan?**

Maklumat pengundian boleh disemak selepas 16hb bulan berikutnya.

**9. Berapakah tempoh bagi seseorang warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun akan didaftarkan sebagai pemilih secara automatik oleh SPR?**

Proses pendaftaran pemilih secara automatik ini akan mengambil masa sehingga sebulan setengah dari hari individu berkenaan mencapai umur 18 tahun.

**10. Apakah syarat untuk didaftarkan sebagai pemilih secara automatik?**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur 18 tahun ke atas;
- (c) Menetap di alamat seperti di kad pengenalan; dan
- (d) Tidak hilang kelayakan sebagai pemilih mengikut undang-undang.

**11. Berapakah jumlah warganegara Malaysia yang dijangkakan terlibat apabila pengundi 18 tahun dan PPSA ini dikuatkuasakan?**

Seramai 5.7 juta orang pemilih baharu telah didaftarkan.

**12. Berapakah jumlah warganegara berumur 18 hingga 20 tahun yang terlibat dengan PPSA apabila dikuatkuasakan?**

Seramai 1.4 juta orang pemilih baharu terlibat.

**13. Bilakah pemilih baharu yang didaftarkan secara automatik boleh menyemak maklumat pengundian?**

Pemilih baharu yang layak boleh menyemak maklumat pengundian selepas 14 Januari 2022.

**14. Di manakah pemilih baharu yang didaftarkan secara automatik boleh menyemak maklumat pengundian?**

Pemilih baharu boleh menyemak maklumat pengundian di:

- (a) Portal SPR di pautan <https://www.spr.gov.my> atau <https://mysprsemak.spr.gov.my>;
- (b) Aplikasi mudah alih MySPR Semak;
- (c) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>; atau
- (d) Hotline SPR di talian 03-8892 7018.

**15. Bagaimana sekiranya alamat yang telah didaftarkan sebagai pemilih secara automatik ini berbeza dengan alamat tempat tinggal sekarang?**

Pemilih boleh membuat pengemaskinian alamat tersebut dengan pihak JPN. Seterusnya, pemilih hendaklah memohon pertukaran bahagian pilihan raya dengan SPR di mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) yang berkenaan, Pejabat Pos atau melalui MySPR Daftar di <https://mysprdaftar.spr.gov.my>.

**16. Adakah terdapat warganegara berumur 21 tahun ke atas yang tidak didaftarkan secara automatik?**

Ya. Mereka yang mempunyai alamat tidak lengkap tidak didaftarkan secara automatik. Begitu juga mereka yang hilang kelayakan sebagai pemilih mengikut undang-undang.

**17. Adakah individu yang memiliki kad pengenalan palsu akan didaftarkan?**

Tidak. SPR hanya akan mendaftarkan warganegara Malaysia yang telah disahkan taraf kewarganegaraannya oleh JPN sebagai pemilih secara automatik.

**18. Adakah warganegara yang mempunyai alamat umum atau tidak lengkap di JPN akan turut didaftarkan oleh SPR?**

Tidak. SPR tidak dapat menentukan bahagian pilihan raya yang tepat bagi warganegara tersebut.

**PROSEDUR PELAKSANAAN PPSA**

**19. Apakah prosedur-prosedur yang terlibat dalam pelaksanaan PPSA ini?**

Pelaksanaan PPSA ini akan melibatkan empat (4) prosedur utama iaitu:

- (a) Penerimaan dan pemprosesan maklumat warganegara;
- (b) Penetapan bahagian pilihan raya;
- (c) Pemerakuan dan pewartaan Daftar Pemilih Tambahan (DPT);  
dan
- (d) Semakan DPT.

**20. Bagaimanakah penerimaan dan pemprosesan maklumat warganegara ini dilaksanakan oleh SPR?**

Maklumat warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun diterima daripada JPN dan diproses setiap hari untuk didaftarkan secara automatik tanpa perlu warganegara membuat permohonan.

**21. Bagaimanakah SPR memastikan warganegara yang hilang kelayakan sebagai pemilih tidak didaftarkan?**

SPR membuat semakan silang sama ada secara dalam talian atau manual dengan pihak JPN, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja didaftarkan sebagai pemilih.

**22. Bagaimanakah penetapan bahagian pilihan raya ini dilaksanakan oleh SPR?**

Maklumat warganegara akan diproses untuk semakan kelayakan dan penetapan bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri setiap hari. Penetapan bahagian pilihan raya ini adalah berdasarkan alamat lengkap di JPN. Proses ini perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada 15 hb bulan berikutnya.

**23. Bilakah pemerakuan dan pewartaan DPT dilaksanakan oleh SPR?**

DPT secara bulanan ini akan diperaku selewat-lewatnya pada 15 hb bulan berikutnya. Manakala, pewartaan DPT tersebut adalah pada hari bekerja berikutnya dalam bulan berkenaan.

## **PENAMBAHBAIKAN BAHARU DALAM PPSA**

### **24. Apakah perbezaan mekanisme pendaftaran sedia ada berbanding PPSA ini?**

Lima (5) perbezaan melalui pelaksanaan PPSA ini adalah:

- (a) Pemilih baharu tidak lagi didaftarkan secara permohonan menggunakan Borang A tetapi didaftarkan secara automatik menggunakan data warganegara yang diperolehi daripada JPN;
- (b) Pemerakuan dan pewartaan DPT akan dilaksanakan pada setiap bulan berbanding setiap suku tahun sebelum ini;
- (c) Tiada lagi pameran Rang DPT (RDPT) dilaksanakan;
- (d) Tuntutan dan Bantahan hanya boleh dibuat dalam tempoh semakan DPT; dan
- (e) Bantahan hanya dibenarkan bagi permohonan yang melibatkan pertukaran bahagian pilihan raya sahaja.

### **25. Apakah impak yang signifikan melalui penambahbaikan baharu ini?**

Proses pendaftaran pemilih baharu akan hanya mengambil masa sehingga 1 bulan setengah berbanding prosedur sedia ada yang mengambil masa sehingga 4 hingga 5 bulan untuk didaftarkan.

## **TUNTUTAN DAN BANTAHAN**

### **26. Adakah tuntutan atau bantahan boleh dibuat ke atas DPT yang telah diperaku dan diwartakan oleh SPR?**

Ya. Dalam tempoh semakan DPT, SPR membenarkan mana-mana orang yang berkelayakan untuk mengemukakan tuntutan atau bantahan ke atas DPT tersebut.

**27. Berapa lamakah tempoh semakan DPT dibuka untuk proses tuntutan atau bantahan?**

DPT Bulan 12/2021 akan dibuka untuk semakan selama 6 bulan mulai 14 Januari 2022 hingga 13 Julai 2022 dan sebarang tuntutan atau bantahan ke atas DPT Bulan 12/2021 boleh dikemukakan dalam tempoh semakan ini. Walau bagaimanapun, tempoh semakan DPT bagi bulan-bulan berikutnya ialah selama satu bulan sahaja.

**28. Apakah tuntutan yang dibenarkan dalam tempoh semakan DPT ini?**

- (a) Mana-mana warganegara yang telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas yang mendapati namanya tiada dalam DPT; atau
- (b) Mana-mana pemilih berdaftar yang mendapati terdapat kesilapan pada butiran peribadinya atau penetapan kawasan pendaftaran bahagian pilihan rayanya.

**29. Apakah bantahan yang dibenarkan dalam tempoh semakan DPT ini?**

Pemilih yang telah berdaftar dalam sesuatu bahagian pilihan raya boleh mengemukakan bantahan terhadap mana-mana pemilih yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya sahaja. Namun, tiada bantahan dibenarkan ke atas pemilih yang didaftarkan secara automatik.

**30. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya nama seseorang warganegara yang layak tiada semasa semakan maklumat pengundian dibuat selepas 14 Januari 2022?**

Individu berkenaan boleh membuat tuntutan kepada SPR dengan mengisi Borang C melalui muat turun dari Portal Pejabat - Pejabat



Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan mengemukakan borang tersebut di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) yang berkenaan pada hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau mengisi Borang C secara dalam talian di Portal SPR melalui pautan <https://myspr.spr.gov.my>.

**31. Apakah yang perlu pemilih baharu lakukan sekiranya terdapat kesilapan butiran peribadi atau kesilapan penetapan kawasan pendaftaran bahagian pilihan raya semasa semakan maklumat pengundian?**

Individu berkenaan boleh membuat tuntutan kepada SPR dengan mengisi Borang C melalui muat turun dari Portal Pejabat - Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan mengemukakan borang tersebut di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) yang berkenaan pada hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau mengisi Borang C secara dalam talian di Portal SPR melalui pautan <https://myspr.spr.gov.my>.

**32. Adakah sebarang bayaran atau fi dikenakan kepada tuntutan yang dibuat?**

Tiada.

**33. Apakah yang perlu dilakukan oleh pemilih berdaftar sekiranya terdapat bantahan terhadap mana-mana pemilih yang memohon pertukaran ke bahagian pilihan rayanya?**

Pemilih yang telah berdaftar dalam sesuatu bahagian pilihan raya boleh membuat bantahan kepada SPR dengan mengisi Borang D melalui muat turun dari Portal Pejabat - Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my> dan mengemukakan borang tersebut

di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) yang dikenakan pada hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

**34. Adakah sebarang bayaran atau fi dikenakan kepada bantahan yang dibuat?**

Fi sebanyak RM10 akan dikenakan bagi setiap nama yang dibantah.

**35. Adakah pembantah boleh membuat rayuan sekiranya bantahan ditolak?**

Ya.

**36. Adakah sebarang bayaran atau fi dikenakan kepada rayuan yang dibuat?**

Fi sebanyak RM5 akan dikenakan bagi setiap rayuan.

**37. Bilakah tuntutan dan bantahan ini boleh dilaksanakan?**

Tuntutan dan bantahan hanya boleh dilaksanakan sepanjang tempoh Semakan Daftar Pemilih Tambahan yang telah ditetapkan oleh SPR.

**38. Berapa lamakah tempoh yang diambil oleh SPR untuk menyelesaikan setiap tuntutan, bantahan atau rayuan yang dibuat?**

Setiap tuntutan, bantahan atau rayuan akan diberikan perhatian sewajarnya dan diselesaikan dengan secepat mungkin tanpa perlu menunggu tempoh Semakan DPT bagi bulan berkenaan tamat.

## **IMPLIKASI PELAKSANAAN PENGUNDI 18 TAHUN DAN PPSA**

**39. Adakah pelaksanaan Pengundi 18 tahun akan memberi kesan terhadap peratus keluar mengundi di sesuatu pilihan raya yang diadakan?**

Peratusan keluar mengundi adalah bergantung kepada bilangan pemilih berdaftar yang keluar mengundi.

**40. Adakah daftar pemilih 18 tahun dan PPSA akan digunakan dalam Pilihan Raya Umum ke-15?**

Ya. Bagi PRU Ke-15, setelah pendaftaran pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dikuatkuasakan dan tertakluk kepada Daftar Pemilih Tambahan (DPT) terkini yang telah diwartakan.